

PEMERKASAAN STRATEGI INTERVENSI DAN PENCEGAHAN DADAH BERASASKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOMUNITI

Abstrak

Kajian ini bertujuan memperkasa strategi intervensi dan pencegahan dadah berasaskan tanggungjawab sosial komuniti. Objektif khusus kajian ini adalah untuk: i) mendokumentasi ekosistem sosial generasi muda, ii) mengukur tahap pengetahuan dan sikap generasi muda terhadap bahaya dadah, hukuman dan perundangan dadah di Malaysia, iii) mengenalpasti pengalaman penglibatan generasi muda dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, iv) menganalisa impak program pendidikan pencegahan dadah menerusi kempen kesedaran di media, v) mengenalpasti pandangan generasi muda terhadap program pendidikan pencegahan dadah yang telah dilaksanakan di institusi pengajian termasuklah sekolah dan institusi pengajian tinggi dan vi) mencadangkan strategi intervensi berasaskan tanggungjawab sosial komuniti dengan tujuan memperkasakan program pendidikan pencegahan dadah. Kajian dijalankan dengan menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data secara tinjauan menggunakan borang soal selidik dan penerokaan mendalam menggunakan kaedah kumpulan perbincangan berfokus telah dijalankan. Responden terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu i) pelajar sekolah menengah yang menyertai Program SHIELDS (N=420), ii) pelajar IPT yang menyertai Program Tomorrow's Leader (TL) (N=490) dan iii) klien CCRC dan C&C (N = 423). Kajian dijalankan di negeri Kedah dan Kelantan. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS manakala data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah *thematic analysis*. Analisis profil responden mendapati min umur bagi peserta SHIELDS adalah 16 tahun, peserta TL dalam lingkungan umur 19 – 20 tahun dan klien CCRC/C&C berumur sekitar 26 tahun. Sebilangan besar responden berbangsa Melayu. Latarbelakang sosioekonomi yang dikenalpasti menunjukkan hampir semua responden mempunyai ibu yang tidak bekerja. Walau bagaimanapun bagi responden yang mempunyai ibu bekerja pula, min pendapatan ibu bagi ketiga-tiga kumpulan adalah sekitar RM455.00 sebulan. Bapa responden daripada ketiga-tiga kumpulan didapati mempunyai pekerjaan yang tetap dengan min pendapatan RM1072.00. Kebanyakan responden mempunyai bilangan adik beradik seramai empat orang dan tinggal sekediaman bersama-sama ibu bapa. Analisis juga menunjukkan terdapat responden yang mempunyai ahli keluarga iaitu abang, bapa saudara atau sepupu terlibat dalam penagihan dadah. Analisis ekosistem sosial responden yang terlibat dengan kajian menggambarkan bahawa majoriti mereka mempunyai ekosistem sosial keluarga dan sekolah yang baik. Manakala analisis menunjukkan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai ekosistem sosial rakan serta komuniti yang sederhana dan kurang memuaskannya untuk membantu melindungi mereka menangani cabaran hidup termasuk terdedah dengan bahaya dadah. Hasil analisis menunjukkan peserta SHIELDS, TL dan klien CCRC/C&C secara keseluruhannya mempunyai pengetahuan yang baik tentang bahaya dadah dan hukuman perundangan berkaitan dadah. Namun kajian mengenalpasti kecenderungan untuk ketiga-tiga kumpulan ini bersetuju dengan penggunaan dadah bagi tujuan belajar dan juga bersetuju bahawa penggunaan dadah dalam kuantiti kecil adalah tidak merbahaya. Responden juga didapati bersetuju bahawa mereka tidak boleh dikenakan hukuman sekiranya mengguna dadah dalam kuantiti kecil. Kecenderungan menerima atau bertoleransi dengan pengambilan dadah yang sedikit seperti ini dinilai sebagai penerimaan terhadap idea pengurangan kemudaratannya. Bahagian pendidikan pencegahan AADK perlu menekankan tentang ketidakwajaran menerima idea pengurangan kemudaratannya dalam kalangan generasi muda pada setiap program pencegahan di institusi pendidikan.

Berdasarkan aspek pengalaman penyalahgunaan dadah dalam kalangan klien CCRC/C&C, responden mengakui bahawa mereka berhadapan dengan ciri-ciri seperti i) impak biopsikososial penyalahgunaan, ii) pengalaman menyalahguna dadah di sekolah, iii) kontak langsung dengan pengedar dadah dan mempunyai iv) pengalaman menjadi pengedar serta merekrut pengedar muda dalam kalangan rakan-rakan sendiri. Berdasarkan aspek kempen media bagi program pendidikan pencegahan dadah, hasil kajian mendapati bahawa i) pilihan saluran media tidak menunjukkan perbezaan ketara antara ketiga-tiga kumpulan, ii) waktu siaran kempen kurang bersesuaian dengan responden, iii) kepekaan yang sederhana tentang kandungan kempen dan iv) pilihan ikon bagi kempen media adalah pelbagai berdasarkan ketiga-tiga kelompok namun ia didapati lebih menjurus kepada individu yang hampir dengan ekosistem mereka. Antara ikon utama yang dipilih adalah kaunselor sekolah (SHIELDS), ustaz selebriti (TL) dan bekas penagih (CCRC/C&C). Secara keseluruhannya peserta SHIELDS dan TL bersetuju bahawa program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan adalah berkesan. Walau bagaimanapun pihak AADK perlu memberi perhatian kepada dapatan berikut : i) peserta SHIELDS merasakan penglibatan ibu bapa atau waris dalam program adalah rendah dan tidak perlu, ii) peserta TL beranggapan mereka tidak boleh dikenakan tindakan dan hukuman dibuang daripada IPT sekiranya positif ujian urin dan iii) kakitangan yang mengendalikan program TL dianggap kurang kompeten. Cadangan pemeraksanaan strategi intervensi pendidikan pencegahan dadah turut dibincangkan di dalam kajian ini.